



PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	23/5/2011

Najib, Rosmah gembira anak terima ijazah Universiti Georgetown

WASHINGTON 22 Mei - Ibu bapa mana yang tidak gembira melihat anak mereka memperoleh segulung ijazah.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dan isteri Datin Seri Rosmah Mansor tidak terkecuali.

Najib yang berada di Amerika Syarikat sejak 17 Mei lepas untuk lawatan kerja seminggu ke New York dan Washington, meluangkan masa lebih tiga jam berada di Universiti Georgetown dan duduk bersama beratus-ratus ibu bapa dan kaum keluarga masing-masing pada Majlis Konvokesyen anaknya di universiti itu pada Sabtu.

Anak perempuan mereka, Nooryana Najwa, 22, menerima ijazah *Bachelor of Science in Foreign Science* selepas empat tahun belajar di School of Foreign Service, universiti berusia 222 tahun itu.

"Saya bersyukur bahawa anak saya dapat kelulusan ijazah pertama daripada Georgetown School of Foreign Service. Sebagai bapa tentu saya rasa tanggungjawab saya sudah saya lunaskan dan anak saya berjaya mendapat pendidikan dalam lapangan yang beliau minati," katanya selepas majlis konvokesyen di Healy Lawn universiti itu.

Turut hadir anak lelaki mereka Nor Ashman dan Duta Malaysia ke



NAJIB Tun Abdul Razak dan Rosmah Mansor bersama anak sulung mereka, Nooryana Najwa yang menerima Ijazah *Bachelor of Science In Foreign Science* di School of Foreign Service Universiti Georgetown, Washington, kelmarin - BERNAMA

Amerika Syarikat, Datuk Seri Dr. Jamaludin Jarjis.

Kata Najib, dengan pengalaman bersifat global di sini, kurikulum yang berkualiti dan menyegarkan,

ia dapat menyediakan anak beliau untuk menjalani kehidupan di dunia dengan menghadapi segala cabaran dengan jayanya.

"Saya dapati kurikulum School of

Foreign Service sesuai dalam era globalisasi. Sebab antaranya terpaksa pelajari satu bahasa moden dalam masa empat tahun," kata beliau yang merujuk kepada Bahasa Arab

yang diambil Nooryana semasa pengajian di sini.

Ditanya rancangan masa depan Nooryana, Najib berkata, anaknya mahu mencari pengalaman kerja sebelum melanjutkan pengajian ke peringkat ijazah sarjana.

Rosmah turut melahirkan rasa syukur anak perempuan beliau berjaya menamatkan pengajian di salah satu universiti terkemuka di dunia itu.

"Sebagai ibu apa yang saya telah berkorban, saya dapat merasai hasil daripada kerja kuat beliau dan segala pengorbanan sebagai ibu. Saya sentiasa berhubung, sentiasa memantau perkembangan pelajaran beliau dalam masa di antara tanggungjawab sebagai isteri kepada pemimpin negara," katanya.

Rosmah berkata, walaupun sibuk dengan pelbagai program dan tanggungjawab sebagai presiden atau penaung pelbagai badan bukan kerajaan dan kebajikan, beliau memastikan dapat meluangkan masa memantau perkembangan pelajaran anak-anaknya.

"Seharusnya dapat bahagikan masa...jika nak nasihat (orang lain), seharusnya saya harus amalkan. Harap ibu-ibu pantau pelajaran anak-anak mereka berjaya dan berguna kepada bangsa dan negara kita," tambah beliau. - BERNAMA